**INSTITUT KANSER NEGARA**
**PUTRAJAYA**

# DOKUMEN SEBUT HARGA

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | **:** | **TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN *DUAL ELECTRIC CYCLING MACHINE* DI JABATAN FISIOTERAPI, INSTITUT KANSER NEGARA** |
| **NO. SEBUT HARGA** | **:** | **IKN/SH/36/2014** |
| **TARIKH IKLAN** | **:** | **13 OGOS 2014 (RABU)** |
| **TARIKH / MASA DITUTUP** | **:** | **18 OGOS 2014 (ISNIN)**<br>**JAM 12.00 TENGAHARI** |
| **KOD BIDANG** | **:** | **050101 atau;**<br>**050102** |

**INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA.

1.1 Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

1.2. Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini, membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

### 2. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

2.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam **bidang-bidang / kod bidang yang berkaitan**, di Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62593 Putrajaya dan *eP-enabled*. **Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.**

2.2 **Setiap penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.**

### 3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Hanya borang yang dikeluarkan oleh Institut ini sahaja diterima bagi maksud sebut harga ini. Lain-lain borang tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang yang asal. Borang tambahan mestilah mengandungi ruangan-ruangan yang sama dan serupa dari segi ukurannya.

3.2 Tiap-tiap helai borang sebut harga yang digunakan (termasuk borang tambahan) **mestilah ditandatangani dan di cop Nama Penyebutharga (Syarikat) di sudut kanan sebelah atas**. Setiap muka surat mestilah diberi nombor yang bersiri mengikut susunannya kecuali pada borang spesifikasi dan katalog.

3.3 Salinan borang yang diisi dengan lengkap adalah diperlukan bagi maksud sebut harga ini iaitu satu salinan asal dan satu salinan yang terang. **Borang-borang tersebut mestilah ditaip.**

3.4 Penyebutharga mestilah mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan di dalam Borang Harga.

| | | |
|---|---|---|
| (i) | **No. Pendaftaran Kontraktor:** | Nombor Pendaftaran Kontraktor yang diberi oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Surat Kelulusan Pendaftaran. |
| (ii) | **Butiran:** | Tuliskan nombor bagi setiap butiran yang ditawarkan mengikut seperti mana tercatat dalam penentuan sebut harga. Mana-mana butiran yang tidak disertai perlulah dinyatakan dengan perkataan “Tiada Berkenaan”. |
| (iii) | **Taraf Syarikat:** | Nyatakan sama ada Bumiputera atau Bukan Bumiputera. |
| (iv) | **Nama Penyebutharga / Nama Syarikat:** | Nama syarikat seperti mana didaftarkan dengan Kementerian Kewangan. |
| (v) | **Ringkasan Tawaran Berdasarkan Spesifikasi:** | Keterangan barang yang ditawarkan jelas dan lengkap seperti dalam penentuan. Sila nyatakan aspek-aspek penentuan yang tidak dapat dipenuhi di dalam borang sebut harga. Misalnya Label “K.K.” Tidak dapat dicetak. Sila nyatakan tidak dapat. |
| (vi) | **Nama Pembuat Dan Negara Pembuat, Jenama/ Model (Jika Berkaitan)**<br>**Jumlah Keperluan** | Nama Pembuat, Negara Pembuat dan jenama/ model mestilah dinyatakan dengan terang. |
| (vii) | **Bungkusan: (Jika Ada)** | Nyatakan kuantiti dalam bentuk bungkusan yang ditawarkan. |
| (viii) | **Harga:** | (a) Semua harga yang disebutkan mestilah di dalam Ringgit Malaysia (RM).<br><br>(b) Penyebutharga mestilah mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan di dalam Borang Harga seperti di bawah. Penyebutharga juga diingatkan supaya tidak menulis / cop apa-apa nama / tanda / identiti syarikat di atas borang ini.<br><br>(c) Kegagalan menyatakan harga ini boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat-syarat sebut harga dan kerajaan berhak menolak tawaran tersebut.<br><br>(d) Penyebutharga yang menawarkan harga yang tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran wang asing tidak akan dipertimbangkan. |

| | |
|---|---|
| | (e) Harga yang ditawatkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh : RM0.12/unit.<br><br>(f) Setiap borang hendaklah diisi dengan lengkap dan terang bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan *“ditto”* atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.<br><br>(g) Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.<br><br>(h) Penyebutharga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada harga *Nett Delivered* / FOB / CIF. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:<br><br>**i. *Nett Delivered***<br><br>Ini adalah harga bersih termasuk semua cukai / Fi perkhidmatan, kos pembungkusan (meliputi *“cutting cost”*, *“polybag”, “carton box”,* dan *individual packaging cost”,* kos pemunggahan, dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir / pengguna yang telah ditentukan.<br><br>**ii. FOB *(Free on Board)***<br><br>Penyebutharga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator* (MTO) yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh Kerajaan.<br><br>Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat *(port of loading)* negara asal barangan *(country of origin)* ke pengkalan punggah *(port of discharge)* di mana-mana pengkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.<br><br>Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali. |

| | |
|---|---|
| | **iii. CIF *(cost, Insurance, & Freight)***<br>Penyebutharga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebutharga.<br><br>Penyebutharga boleh melantik syarikat MTO yang berdaftar / mempunyai kod bidang pengangkutan yang mempunyai nilai tidak lebih daripada RM5 juta bagi sebut harga peralatan dan tidak lebih daripada RM10 juta bagi tender ubat-ubatan dan barangan farmaseutikal. |
| (ix) **Fi *(Fee)* Perkhidmatan bagi Transaksi secara Elektronik** | Semasa menguruskan sebut harga, dokumen sebut harga dan perjanjian kontrak hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai syarat fi yang akan dikenakan bagi perolehan yang diuruskan secara elektronik.<br><br>Fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik adalah sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)*. atau<br><br>Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* sama ada melalui Jadual Penghantaran *(Delivery Schedule)*, pencapaian perkhidmatan *(Milestone),* Bayaran Kemajuan *(Progressive Payment)* atau mengikut permintaan *(as and when required)* yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.<br><br>Semua Penyebutharga hendaklah sedia maklum mengenai fi perkhidmatan yang dikenakan ini kerana syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut telah termaktub dalam terma dan syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan. |

| | |
|---|---|
| (x) **Tempoh Sah Laku Sebut harga:** | Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga bergantung kepada kompleksiti sebut harga yang dilaksanakan. Tempoh sah laku tawaran sebut harga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran, sebut harga hendaklah dipelawa semula. |
| (xi) **Tempoh Serahan:** | Penyebutharga hendaklah menyatakan tempoh yang diperlukan untuk barangan tiba di tapak pengguna / pusat tanggungjawab. Tempoh ini meliputi proses penyediaan barangan di kilang, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan.<br><br>Penyebutharga juga hendaklah memastikan bahawa tempoh serahan yang ditawarkan telah mengambil kira tempoh perlantikan syarikat MTO serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan agensi Kerajaan seperti JPJ, JKR, Puspakom, PBT dan lain-lain lagi.<br><br>Sebarang permasalahan berhubung tempoh masa adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga sekiranya tempoh yang ditawarkan tidak mencukupi. |
| (xii) **Pengangkutan & Penghantaran:** | Bagi barangan import semua urusan pengangkutan dan penghantaran hendaklah diuruskan oleh Wakil Penghantaran Kerajaan *(Multimodal Transport Operator* / MTO) sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.<br><br>Kementerian akan mengambil masa di antara tiga (3) hingga empat (4) minggu untuk menyempurnakan pelantikan syarikat MTO. Perkara ini perlu diambil kira dalam perkiraan tempoh serahan barangan. |

| | | |
|---|---|---|
| (xiii) | **Tempoh Jaminan (Waranti):** | Nyatakan tempoh jaminan bagi barangan yang akan dibekalkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyerahan alat-alat kelengkapan, kontraktor (penyebutharga) hendaklah mengemukakan satu laporan pentauliahan yang bertulis termasuk keputusan-keputusan *"test-run"* kepada Kerajaan.<br><br>Setelah tempoh tersebut, jika alat-alat kelengkapan didapati dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi, tempoh jaminan akan bermula dari kontraktor menyempurnakan semua ujian dan pentauliahan.<br><br>Sekiranya Kerajaan mendapati bahawa alat-alat kelengkapan itu tidak memenuhi spesifikasi atau dalam keadaan yang tidak memuaskan, kontraktor akan dipanggil untuk membaiki kecacatan, kemudian menjalankan ujian yang lain baru dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh ujian dan pentauliahan yang kedua ini.<br><br>Seterusnya, Kerajaan juga akan menjalankan ujian-ujian bagi tempoh dua (2) minggu dari tarikh penerimaan laporan itu untuk menentukan sama ada alat-alat kelengkapan tersebut berada dalam keadaan yang baik, tarikh tempoh jaminan dan pentauliahan akan bermula dari tarikh akhir pentauliahan yang kedua.<br><br>Jika kecacatan masih dikesan, proses di atas diulangi sehingga ujian dan pentauliahan alat-alat kelengkapan itu sempurna dan diperakukan oleh Kerajaan. Tarikh penerimaan dan tarikh mula tempoh jaminan akan dikira dari tarikh akhir ujian dan pentauliahan yang berjaya yang diterima oleh Kerajaan. |
| (xiv) | **Latihan:** | Setelah pentauliahan sistem / alat-alat kelengkapan disempurnakan, dan sebelum ia diserahkan kepada Kerajaan, kontraktor hendaklah mengajar operator-operator dan juruteknik-juruteknik Kerajaan dalam semua aspek operasi alat-alat kelengkapan / sistem dengan cara yang betul. Semua bahagian yang perlu diselenggarakan disemak dan diperhatikan pada keadaan kerja biasa dengan percuma.<br><br>Tempoh tunjuk ajar di tapak hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari selepas alat-alat kelengkapan / sistem beroperasi dengan normal secara berterusan dan bila diperlukan. |

| | |
|---|---|
| | Kontraktor juga hendaklah membekalkan salinan panduan operasi yang jelas. Panduan operasi hendaklah meliputi rajah pendawaian yang berkaitan dan rajah berasaskan struktur plan alat-alat kelengkapan dan sistem kawalan dengan sepenuhnya. Sesalinan panduan operasi hendaklah dibekalkan dengan berbingkai yang digantung di atas alat-alat kelengkapan / dinding bilik loji yang berdekatan dengan *“switchboard”* / alat-alat kelengkapan. |
| (xv) **Penyelenggaraan Dalam Tempoh Jaminan (Waranti):** | Kontraktor dikehendaki memberi jaminan, kepada alat-alat kelengkapan / sistem selama dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahannya. Jaminan ini termasuk jaminan piawaian oleh pengilang alat-alat kelengkapan dan jaminan oleh kontraktor bagi bahan-bahan yang dibekalkan dipasangkan dan mutu hasil kerjanya.<br><br>Dalam tempoh jaminan yang tersebut di atas, kontraktor hendaklah sentiasa menyelenggarakan (sekurang-kurangnya dua (2) servis setahun) semua alat kelengkapan menurut jadual yang dicatitkan dalam penentuan servis dan penyelenggaraan, jadual yang disyorkan oleh pengilang-pengilang kelengkapan.<br><br>Untuk memastikan semua alat kelengkapan berada dalam keadaan yang paling baik, penyelenggaraan ini hendaklah termasuk pemeriksaan yang sistematik, pembersihan, penyelarasan dan lain-lain prosedur penyelenggaraan yang disyorkan oleh pengilang-pengilang alat-alat kelengkapan tersebut.<br><br>Jika alat-alat kelengkapan / sistem rosak dalam tempoh jaminan ini, kontraktor dikehendaki melaksanakan mana-mana penyelenggaraan yang diperlukan oleh Kerajaan. Pembaikan dan penggantian-penggantian komponen yang cacat akibat daripada mutu bahan-bahan atau mutu hasil kerja hendaklah diberi dengan percuma oleh kontraktor.<br><br>Dalam tahun yang pertama, kontraktor hendaklah mengemukakan laporan keputusan / keputusan pemeriksaan / penyelenggaraan / penggantian alat-alat kepada pegawai yang menjaga alat itu di institut / hospital yang berkenaan. |

| | | |
|---|---|---|
| (xvi) | **Jadual Alat-Alat Ganti Yang Disyorkan:** | Penyebutharga dikehendaki menyertakan sesalinan surat jaminan dari pengilangnya yang menyatakan bahawa alat-alat ganti boleh didapati sekurang-kurangnya bagi tempoh tujuh (7) tahun yang akan datang bersama-sama dengan sebut harganya.<br><br>Penyebutharga juga dikehendaki mengemukakan satu senarai alat-alat ganti dan alat-alat yang cepat bergerak di mana harganya (dalam Ringgit Malaysia) berdasarkan kepada kadar pertukaran (kadar pertukaran hendaklah dinyatakan) sah bagi tempoh setahun mulai dari tarikh tamat tempoh warranti / jaminan. |
| (xvii) | **Kontrak Penyelenggaraan:** | Nilai tahunan bagi kontrak penyelenggaraan boleh dinyatakan dalam tiga (3) bentuk iaitu:<br><br>i. Penyelenggaraan menyeluruh (termasuk pembaikan, penggantian dan membekal serta memasang semua item-item *“consumable”*) dan menyelenggara alat-alat kelengkapan / sistem termasuk alat ganti.<br><br>ii. Penyelenggaraan menyeluruh (termasuk pemanggilan pembaikan) dan menyelenggarakan alat-alat kelengkapan / sistem tidak termasuk alat ganti.<br><br>iii. Kos bagi setiap panggilan servis penyelenggaraan atau pembaikan tidak termasuk alat-alat ganti. Nilai ini sah bagi tempoh tiga (3) tahun tanpa sebarang perubahan mulai dari tarikh tamat tempoh jaminan.<br><br>Nilai tidak akan dimasukkan dalam jumlah harga keseluruhan yang ditawarkan tetapi ia adalah sebut harga yang berasingan dan tertakluk kepada persetujuan oleh Kerajaan apabila diperlukan. Penyebutharga hendaklah mengambil perhatian bahawa jumlah kos penyelenggaraan bagi tiga (3) tahun akan diambilkira apabila menimbangkan sebut harga yang ditawarkan. |

| | | |
|---|---|---|
| (xviii) | **Panduan-Panduan Penyelenggaraan dan *"As Installed Drawing"*:** | Kontraktor hendaklah membekalkan dua (2) set Panduan Penyelenggaraan, satu (1) set *"reproducible transparent prints"* dan dua (2) set *print* biasa *"as installed drawings"* semasa penyerahan sistem / alat-alat kelengkapan.<br><br>Panduan-panduan hendaklah termasuk jadual penyelenggaraan pencegah dan prosedur pembaikan dan prosedur penggantian bahagian, senarai alat-alat ganti dan gambarajah, katalog bahan-bahan, dan alat kelengkapan, nama dan alamat agen-agen tempatan alat-alat tersebut. |
| (xix) | **Pengujian Dan Pentauliahan:** | Setelah kerja pemasangan sistem atau alat-alat kelengkapan disempurnakan sepenuhnya, kontraktor hendaklah menjalankan ujian-ujian ke atas setiap bahagian sistem itu untuk membuktikan alat-alat itu boleh menghasilkan dan mengekalkan kapasiti yang ditetapkan. Ujian secara keseluruhan ke atas sistem itu hendaklah diadakan untuk membuktikan bahawa alat-alat itu telah diselaraskan dan diperbetulkan dengan baik untuk menghasilkan prestasi yang dijamin seperti dalam spesifikasi sebut harga ini.<br><br>Kos *"consumables"* yang diperlukan dalam ujian dan pentauliahan alat-alat kelengkapan serta kos-kos berkaitan dengan ujian, penimbangan, kalibrasi dan penetapan semua peralatan dan kawalan adalah ditanggung oleh kontraktor. Kontraktor dikehendaki mengemukakan butir-butir pentauliahan dibuat.<br><br>Panduan pemasangan operasi dan penyelenggaraan dan sijil pengilang hendaklah disertakan bersama-sama dua (2) set semasa ketibaan alat kelengkapan di tapak.<br><br>Kontraktor dikehendaki menjalankan ujian awal sebelum meminta pihak Kerajaan menyaksikan pentauliahan akhir. Kontraktor dikehendaki menjalankan ujian sepenuhnya alat kelengkapan tersebut sehingga pihak berkuasa berpuas hati sebelum penyerahan rasmi dibuat. Keputusan pentauliahan dan ulasan-ulasan ujian hendaklah direkodkan secara rasmi dan diedarkan kepada pihak Kerajaan dalam dua (2) salinan. |

| | |
|---|---|
| | Penyelenggaraan sistem / alat-alat kelengkapan yang digunakan selanjutnya dalam tempoh waranti hendaklah dilakukan oleh kontraktor. Tiada kos tambahan akan dikenakan dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ini. Kontraktor juga dikehendaki menjalankan semua ujian dan prosedur pentauliahan lain yang ditentukan dalam spesifikasi. |
| (xx) **Pengubahsuaian dan Penggantian:** | Sekiranya dalam ujian didapati keseluruhan atau sebahagian alat-alat kelengkapan, gagal mencapai tahap prestasi yang diperlukan seperti yang dijaminkan dalam sebut harga, kontraktor hendaklah menjalankan pengubahsuaian ataupun mengganti kerja atau alat-alat kelengkapan dengan alternatif yang diluluskan dan tambahan kos adalah tanggungjawab kontraktor.<br><br>Kerajaan tidak akan memberi kebenaran untuk pengubahsuaian jika bahawa cadangan pengubahsuaian itu tidak memberi faedah yang paling baik kepada pemasangan itu. Sekiranya dalam ujian didapati pengubahsuaian dan penggantian kecil itu masih gagal mencapai prestasi yang dikehendaki seperti yang dijaminkan, kontraktor hendaklah menggantikan alat-alat kelengkapan itu dengan yang baru atas tanggungannya. |
| (xxii) **Catatan:** | Catatkan apa-apa maklumat yang berkaitan dan difikirkan perlu. |

3.5 Semua perkara dalam para 3.4. mestilah dipenuhi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan *"ditto",* atau "seperti di atas" tidak boleh digunakan.

3.6 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan "Tiada Berkenaan".

3.7. Sebarang pindaan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong dan menandatangani ringkas semua pembetulan berserta tarikh. **Penggunaan apa-apa pemadam adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

3.8. Pengisian borang-borang sebut harga mestilah dijarakkan di antara satu butiran dengan satu butiran lain yang berikutnya dengan jarak yang sesuai, supaya senang dibaca.

3.9. Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan tanda pada bahagian atas surat itu dengan butir-butir berikut:-

(a) Nama Sebut Harga : ..................................................................
(b) No. Sebut Harga : .......................................................................

Dan dialamatkan kepada :-

PENGARAH
INSTITUT KANSER NEGARA,
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN,
ARAS 6, JABATAN PENGURUSAN,
NO. 4, JALAN P7, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA

3.10. **Semua sebut harga mestilah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditentukan pada waktu pejabat di alamat seperti yang tersebut di atas, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan.**

3.11. Institut Kanser Negara tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat dari kesilapan peti yang dimasukkan atau sebut harga yang dihantar dengan pos.

3.12. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

## 4. PANDUAN MENGISI BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN *(NETT DELIVERED)*

4.1 Penyebutharga diminta mengisi semua ruang dalam borang ini. Bagi mana-mana butiran yang tidak disertai atau perkara yang tidak berkenaan tandakan dengan perkataan **TIDAK BERKENAAN** dan jangan dibiar kosong.

| **BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN *(NETT DELIVERED)*** | | |
|---|---|---|
| i. | No. Sebut harga: | Nombor sebut harga seperti di dalam iklan. |
| ii. | Bil. (Bilangan): | Tuliskan nombor bagi setiap butiran yang ditawarkan mengikut seperti mana tercatat dalam penentuan sebut harga. |
| iii. | Ringkasan tawaran berdasarkan spesifikasi: | Keterangan barang yang ditawarkan jelas dan lengkap seperti dalam penentuan. Sila nyatakan aspek-aspek penentuan yang tidak dapat dipenuhi di dalam borang sebut harga. Misalnya Label “KKM” @ “IKN” tidak dapat dicetak. Sila nyatakan tidak dapat. |
| iv. | Pembuat, jenama / model: | Nama pembuat dan jenama / model mestilah dinyatakan dengan terang. |
| v. | Kuantiti: | Nyatakan kuantiti dalam bentuk bungkusan yang ditawarkan. |

| BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN *(NETT DELIVERED)* | | |
|---|---|---|
| vi. | Harga: | Nyatakan harga barangan mengikut kriteria berikut:<br>a. Semua harga yang disebutkan mestilah di dalam Ringgit Malaysia (RM).<br>b. Penyebutharga yang menawarkan harga yang tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran wang asing tidak akan dipertimbangkan.<br>c. Harga yang ditawarkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12/unit.<br>d. Kegagalan menyatakan harga ini boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat-syarat sebut harga dan Kerajaan berhak menolak tawaran tersebut. |
| vii. | Harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak: | Nyatakan harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara (vi) diatas. |
| viii. | Jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak : | Nyatakan jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara (vi) di atas.<br><br>Jumlah harga=Harga bagi perkara (vi) + Harga bagi perkara (vii). |
| ix. | Tempoh jaminan: | Nyatakan tempoh jaminan bagi barangan yang akan dibekalkan. Sekiranya maklumat ini tidak diisi tawaran dianggap tiada tempoh jaminan. |
| x. | Tempoh serahan: | Nyatakan tempoh serahan bagi barangan yang akan dibekalkan dari tarikh pesanan tempatan (LPO) dikeluarkan. Tempoh serahan bagi alat-alat kelengkapan termasuk tempoh penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan latihan.<br><br>Bagi sebut harga peralatan yang mempunyai kerja tapak tempoh serahan adalah bagi alat dan kerja tapak. Bagi alat tempoh serahan dikira daripada tarikh pesanan tempatan manakala bagi kerja tapak tempoh serahan dikira daripada tarikh *“kick of meeting”.* |
| xi. | Nyatakan harga keseluruhan tawaran: | Nyatakan harga keseluruhan tawaran (RM). |

## 5. PANDUAN MENGISI BORANG HARGA ALAT IMPORT (FOB/CIF)

5.1 Penyebutharga diminta mengisi semua ruang dalam borang ini. Bagi mana-mana butiran yang tidak disertai atau perkara yang tidak berkenaan tandakan dengan perkataan **TIDAK BERKENAAN** dan jangan dibiar kosong.

| **BORANG HARGA BARANGAN IMPORT (FOB/CIF)** | | |
|---|---|---|
| i. | No. Sebut harga : | Nombor sebut harga seperti di dalam iklan. |
| ii. | Kaedah pengangkutan: | Nyatakan kaedah pengangkutan yang akan digunakan samada udara / laut / darat. |
| iii. | Bil. (Bilangan) : | Tuliskan nombor bagi setiap butiran yang ditawarkan mengikut seperti mana tercatat dalam penentuan sebut harga. |
| iv. | Ringkasan tawaran berdasarkan spesifikasi : | Keterangan barang yang ditawarkan jelas dan lengkap seperti dalam penentuan. Sila nyatakan aspek-aspek penentuan yang tidak dapat dipenuhi di dalam borang sebut harga. Misalnya Label "KKM" @ "IKN" tidak dapat dicetak. Sila nyatakan tidak dapat. |
| v. | Pembuat/Negara, jenama/model : | Nama Pembuat, Negara Pembuat dan jenama/model mestilah dinyatakan dengan terang. |
| vi. | Kuantiti: | Nyatakan kuantiti dalam bentuk bungkusan yang ditawarkan. |
| vii. | Harga FOB / CIF: | Nyatakan harga barangan mengikut kriteria berikut:<br>a. Semua harga yang disebutkan mestilah di dalam Ringgit Malaysia (RM).<br>b. Penyebutharga yang menawarkan harga yang tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran wang asing tidak akan dipertimbangkan.<br>c. Harga yang ditawarkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12/unit.<br>d. Kegagalan menyatakan harga ini boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat-syarat sebut harga dan Kerajaan berhak menolak tawaran tersebut. |
| viii. | Nama *Port of Loading* : | Nyatakan nama *Port of Loading*. |
| ix. | Harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak : | Nyatakan harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara (vii) di atas. |

| BORANG HARGA BARANGAN IMPORT (FOB/CIF) | | |
|---|---|---|
| x. | Jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak : | Nyatakan jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara (vii) di atas.<br><br>Jumlah harga= Harga bagi perkara (vii) + Harga bagi perkara (ix) |
| xi. | Tempoh jaminan: | Nyatakan tempoh jaminan bagi barangan yang akan dibekalkan. Sekiranya maklumat ini tidak diisi tawaran dianggap tiada tempoh jaminan. |
| xii. | Tempoh serahan: | Nyatakan tempoh serahan bagi barangan yang akan dibekalkan dari tarikh pesanan tempatan (LPO) dikeluarkan. Tempoh serahan bagi alat-alat kelengkapan termasuk tempoh penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan latihan.<br><br>Bagi sebut harga peralatan yang mempunyai kerja tapak tempoh serahan adalah bagi alat dan kerja tapak. Bagi alat tempoh serahan dikira daripada tarikh pesanan tempatan manakala bagi kerja tapak tempoh serahan dikira daripada tarikh *"kick of meeting".* |
| xiii. | Nyatakan harga keseluruhan tawaran : | Nyatakan harga keseluruhan tawaran (RM). |

## 6. CARA-CARA PENYERAHAN CONTOH DAN KATALOG

6.1 Semua sebut harga bagi barangan yang ditawarkan **mestilah** disertakan dengan sekurang-kurangnya **dua (2) salinan** katalog atau **risalah asal** bagi setiap butiran yang dimasuki.

6.2 Semua katalog atau risalah mestilah di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, Katalog atau risalah yang ditulis di dalam bahasa lain tidak diterima.

6.3 Semua katalog atau risalah mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berasingan dengan borang sebut harga dengan menandakan perkataan "**KATALOG**" atau "**RISALAH**". Nombor dan Nama Sebut Harga serta cop nama penyebutharga hendaklah dicatatkan di sudut kiri sebelah atas sampul surat ini.

6.4 Sampul surat yang mengandungi katalog atau risalah hendaklah diserahkan di Bahagian Perolehan dan Pembangunan, Jabatan Pengurusan, Institut Kanser Negara dan bukan dimasukkan ke dalam peti bersama dengan Jadual Harga.

6.5 Semua contoh / sampel / katalog dan risalah hendaklah disertakan dengan borang. Semua katalog atau risalah **mestilah ditulis Nombor Sebut Harga dan butiran yang dimasuki.** Nama Penyebutharga adalah **tidak boleh dicatatkan di atas katalog atau risalah yang disertakan.**

6.6 Contoh-contoh barangan mestilah dikemukakan dengan secukupnya mengikut apa yang dicatat dalam penentuan sebut harga. Contoh-contoh mestilah di tanda dengan **Nombor Butiran, Nama Sebut Harga atau Jadual, tetapi tidak Nama Penyebutharga**.

6.7 Semua contoh atau katalog yang dikemukakan mestilah disertakan dengan borang penyerahan contoh/katalog seperti di **LAMPIRAN 2** yang mengandungi keterangan mengenai butiran-butiran yang mana contoh-contoh dikemukakan (dalam borang penyerahan contoh/katalog). Borang penyerahan contoh hendaklah dikemukakan berasingan daripada borang sebut harga untuk disemak.

6.8 Contoh-contoh ini mestilah diserahkan dengan tangan dan tidak boleh dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga.

6.9 **SEMUA DOKUMEN SEBUT HARGA, CONTOH DAN KATALOG ATAU RISALAH HENDAKLAH DISERAHKAN SEBELUM PUKUL 12.00 TENGAH HARI PADA HARI SEBUT HARGA DITUTUP. SEBARANG PENGHANTARAN SELEPAS WAKTU YANG DITETAPKAN DI ATAS TIDAK AKAN DIPERTIMBANGAN**.

## 7. SETUJU TERIMA TAWARAN SEBUT HARGA

7.1 Kerajaan adalah berhak mempersetuju terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat mempersetuju terima sebut harga yang termurah sekali atau mana-mana sebut harga jua pun.

7.2 Keputusan sebut harga adalah muktamad. Kementerian Kesihatan Malaysia / Institut Kanser Negara tidak akan melayan sebarang rayuan.

7.3 Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Penyebutharga yang menarik balik tawaran sebelum tamat tempoh sah sebut harga atau yang menolak tawaran setelah tawaran dibuat, maka tindakan penggantungan seperti yang berikut boleh diambil terhadap Syarikat:-

(i) Dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama;
(ii) Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua; dan
(iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

## 8. BON PELAKSANAAN

8.1 Penyebutharga yang berjaya, dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM200,000.00 hingga RM 500,000.00 setahun, Bon Pelaksanaan akan dikenakan dengan kadar 2.5% dari nilai kontrak. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank daripada bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau Jaminan Insurans daripada syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1963. Jaminan Insurans hanya boleh diterima bagi kontrak yang nilainya kurang dari Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM 500,000.00).

8.2 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan satu (1) tahun selepas pembekalan dilaksanakan dengan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas.

8.3 **Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju Terima tawaran dikeluarkan.** Kegagalan mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan tawaran dibatalkan.

8.4 Semasa penyediaan Bon Pelaksanaan, bentuk format hendaklah ditepati tanpa sebarang pindaan.

8.5 Syarat-syarat sebut harga ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan kontrak ini hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.

8.6 Syarat-syarat dalam penentuan atau spesifikasi sebut harga dan syarat-syarat dalam Surat Setuju Terima tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

8.7 Bon Pelaksanaan hendaklah **sah laku tidak kurang daripada dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh kontrak.**

8.8 Dokumen perjanjian perlu diisi dalam tiga (3) salinan asal dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan.

## 9. KONTRAK

9.1 Dokumen Perjanjian tidak akan diadakan bagi perolehan yang bernilai kurang daripada RM10,000.00 sementara bagi perolehan yang bernilai lebih daripada RM10,000.00 satu perjanjian akan diadakan (sila lihat salinan perjanjian yang disertakan). Penyebutharga yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut.

9.2 Syarat-syarat dalam penentuan atau spesifikasi sebut harga dan syarat-syarat dalam Surat Setuju Terima tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

9.3 Dokumen perjanjian perlu diisi dalam tiga (3) salinan asal dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan

## 10. DUTI SETEM

Pengsteman hendaklah dilakukan setelah kedua-dua belah pihak (Kerajaan dan Pembekal) telah menandatangani dokumen penjanjian kontrak duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan perjanjian ini akan ditanggung oleh Kerajaan.

## 11. BARANG-BARANG KELUARAN TEMPATAN

11.1 Barang-barang keluaran tempatan mestilah diperoleh daripada pengilang-pengilang yang berlesen atau yang dikecualikan dari mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Sesalinan Sijil Kilang atau surat pengecualian hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen sebut harga.

11.2 Penyebutharga yang menawarkan barangan keluaran tempatan hendaklah menyatakan sama ada keluaran-keluaran yang telah ditawarkan di kilang dengan sepenuhnya di Malaysia (iaitu dari bahan-bahan permulaan / mentah) atau di kilang

di Malaysia dari keluaran perantaraan *(intermediate product)* atau pun ia adalah keluaran-keluaran yang diimport siap dan hanya dibungkus semula atau dilabel di Malaysia. Penyebutharga hendaklah menyatakan nama pembuat dan negara asalnya bagi keluaran yang diimport siap dan dibungkus semula.

11.3 Pembungkusan semula *(repacking)* tidak termasuk dalam takrif “aktiviti pengilangan” seperti yang tersebut di dalam Akta Penyelarasan Perusahaan 1975 dan adalah dianggap sebagai satu aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan jual runcit atau jual borong. Oleh itu, seseorang yang cuma menjalankan aktiviti pembungkusan semula tidaklah termasuk dalam takrif aktiviti pengilang seperti disebut dalam akta di atas dan terkeluar dari klasifikasi “pembuat”.

## 12. <u>KUANTITI TAWARAN / KUANTITI TAMBAHAN</u>

Kerajaan berhak menambah atau, mengurangkan mana-mana kuantiti yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga, pada masa Surat Setuju Terima tawaran dikeluarkan kepada penyebutharga yang berjaya. Selain daripada kuantiti yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian, Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Kontraktor hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

## 13. <u>PIAWAIAN ALAT-ALAT ELEKTRIK</u>

Semua alat elektrik yang ditawarkan oleh penyebutharga mestilah diluluskan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik Malaysia.

## 14. <u>PEMBUNGKUSAN</u>

14.1 Kontraktor hendaklah memastikan barang-barang dibungkus mengikut keperluan bagi mengelak kerosakan, kemalangan yang mungkin berlaku semasa ianya diangkut ke PTJ / Tapak Pengguna. Pembungkusan hendaklah tahan kepada cara pengendalian yang kasar, perubahan cuaca yang ketara, garam dan mendapan semasa perjalanan dan penyimpanan secara terbuka. Bentuk, saiz dan berat bungkusan bagi barang-barang yang perlu dihantar ke destinasi yang tiada mempunyai sistem perhubungan yang sesuai perlu juga diambil kira.

14.2 Semua alat pembungkusan yang disediakan oleh kontraktor tidak akan dikembalikan.

14.3 Di luar bungkusan tersebut hendaklah diletakkan tanda pengenalan perkapalan seperti berikut:-

14.3.1.1 Jika menggunakan laut/udara:

PENGARAH<br>
INSTITUT KANSER NEGARA,<br>
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN,<br>
ARAS 6, JABATAN PENGURUSAN,<br>
NO. 4, JALAN P7, PRESINT 7,<br>
<u>62250 PUTRAJAYA</u>

Via Pelabuhan / Lapangan Terbang.......................................

14.3.1.2 Jika menggunakan darat,

PENGARAH
INSTITUT KANSER NEGARA,
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN,
ARAS 6, JABATAN PENGURUSAN,
NO. 4, JALAN P7, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA

14.3.3 Berat kasar : ............................................................

14.3.4 Ukuran persegi : ......................................................

14.3.5 No. Kontrak : ..........................................................

14.3.6 Lambang Kementerian Kesihatan Malaysia di semua permukaan bungkusan.

14.4 Arahan lain berkaitan dengan pembungkusan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.

## 15 PENGANGKUTAN DAN PENGHANTARAN

Semua urusan pengangkutan dan penghantaran barang-barang import Kerajaan hendaklah diuruskan oleh Wakil Penghantaran Kerajaan sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

## 16. SIJIL PERAKUAN MUTU

Satu sijil pengakuan hendaklah disertakan dengan setiap hantaran dengan kenyataan bahawa barangan itu adalah bermutu yang sama seperti yang ditawarkan dalam Borang Sebut Harga dan/atau bermutu yang seperti dengan contoh yang diberikan semasa sebut harga itu dipertimbangkan. Tiap-tiap sijil pengakuan itu hendaklah dilengkapi dengan senarai ujian-ujian yang telah dijalankan serta keputusan ujian itu.

## 17. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

## 18. SURAT KEBENARAN MEMASUKI SEBUT HARGA DARIPADA PENGILANG ATAU AGEN/ PEMBEKAL UTAMA

Penyebutharga **diwajibkan** mengemukakan bersama-sama dokumen sebut harga, suatu surat yang membenarkan atau melantik pihaknya secara rasmi sebagai agen untuk membekal barang-barang yang di sebut harga. **Kegagalan penyebutharga memenuhi syarat ini akan menyebabkan tawaran tidak akan dipertimbangkan.**

## 19. BAHAN RADIOAKTIF

19.1 Bagi pembekalan alat-alat kelengkapan atau benda-benda **termasuk bahan-bahan yang mengandungi atau berunsur radioaktif**, seperti **alat-alat X-Ray dan sebagainya hanya penyebutharga-penyebutharga yang mempunyai lesen di bawah yang boleh mengambil bahagian dalam sebut harga berkenaan** :-

*"Laws of Malaysia Act 304 i.e.*
*"Atomic Energy Licensing Act, 1984"*
*Part III, 12(1) yang berbunyi:-*
*"Without prejudice to the requirement of any other Law no person shall:-*

*(a) Site, construct or operate a nuclear installation;*

*(b) Build in, deal in possess or dispose of any radioactive material, nuclear material, prescribed substance or irradiating apparatus, unless he is the holder of a valid license issued section 16 (5) by the appropriate authority for such purpose and as specified in the license.*

19.2 Nombor atau bilangan lesen dinyatakan dan salinan lesen tersebut mestilah disertakan bersama-sama sebut harga yang disertai dan mana-mana sebut harga yang tidak disertakan dengan salinan lesen tersebut tidak akan dipertimbangkan dan akan terus ditolak.

19.3 Sekiranya ada sebarang pertanyaan mengenai syarat tersebut di atas sila hubungi:

Unit Perkhidmatan Sinaran,
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 2-5, Blok E6, Parcel E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA.

## 20. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

20.1 Cadangan sebut harga hendaklah sampai ke Bahagian Perolehan dan Pembangunan, Jabatan Pengurusan, IKN sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga yang ditetapkan. Cadangan sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

20.2 Sebut harga boleh dihantar **"DENGAN TANGAN"** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Bahagian Perolehan dan Pembangunan, Jabatan Pengurusan, IKN serta dialamatkan kepada ;

**PENGARAH**
**INSTITUT KANSER NEGARA,**
**BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN,**
**ARAS 6, JABATAN PENGURUSAN,**
**NO. 4, JALAN P7, PRESINT 7,**
**62250 PUTRAJAYA**

20.3 Jika Dokumen Sebut Harga **tidak diserahkan** dengan tangan, penyebutharga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

20.4 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) / Institut Kanser Negara (IKN) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan mana-mana tawaran sebut harga yang dihantar / dikemukakan melalui pos.

20.5 Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipetimbangkan.

## 21. PENGANGKUTAN & PENGHANTARAN

21.1 Bagi barangan import semua urusan pengangkutan dan penghantaran hendaklah diuruskan oleh Wakil Penghantaran Kerajaan (*Multimodal Transport Operator*/MTO) sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

21.2 Kementerian akan mengambil masa di antara **tiga (3) hingga empat (4) minggu** untuk menyempurnakan pelantikan syarikat MTO. Perkara ini perlu diambil kira dalam perkiraan tempoh serahan barangan.

## 22. KERJA YANG PERLU DIJALANKAN

21.1 Jumlah harga sebut harga hendaklah termasuk pengubahsuaian tapak dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan barang-barang yang diperlukan bagi penghantaran, penyerahan, pemasangan, dan pentauliahan supaya sistem / alat kelengkapan dapat beroperasi dengan sempurna. Kerja tambahan ini hendaklah dinyatakan di dalam harga sebut harga.

21.2 Penyebutharga hendaklah memberi jaminan bahawa kesemua pengubahsuaian yang dicadang itu tidak akan menjejaskan bangunan dan lain-lain perkhidmatan yang sedia ada.

21.3 Penyebutharga juga hendaklah menyediakan semua kerja dan barang-barang yang diperlukan untuk sistem / alat kelengkapan berfungsi dengan sempurna walaupun kerja ataupun barang-barang yang diperlukan itu tidak dinyatakan dengan jelas di dalam spesifikasi atau lukisan / pelan yang disertakan bersama spesifikasi.

21.4 Pembekalan kesemua keperluan bagi sistem / alat kelengkapan termasuk pemasangan / pengujian dan penyerahan kepada Kerajaan dalam keadaan operasi yang baik adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga yang berjaya.

21.5 Pembayaran tambahan kepada harga sebut harga tidak akan dibenarkan bagi kerja-kerja tambahan yang disebabkan oleh kecuaian / kesilapan / kegagalan penyebutharga memasukkan nilai itu di dalam harga sebut harga.

## 23. RAJAH / PELAN / REKABENTUK

23.1 Penyebutharga hendaklah menyediakan dan mengemukakan pelan-pelan dan rajah yang berasaskan corak pelan yang menunjukkan bentuk dan susunan umum bagi sesuatu sistem atau alat kelengkapan yang ditawarkan.

23.2 Rajah yang berasaskan reka bentuk dan corak susunan perlu menunjukkan ukuran-ukuran tertentu bilik-bilik, tapak asas mesin, perubahan dan penebukan lubang pada

dinding, lantai dan papan penutup bumbung *(roof slabs)* seperti yang dikehendaki. Rajah-rajah tersebut hendaklah juga menunjukkan ukuran-ukuran bagi kesemua komponen utama bagi sistem / alat kelengkapan dan hendaklah dikemukakan oleh penyebutharga semasa menyerahkan sebut harganya.

23.3 Segala kos terlibat di dalam penyediaan rajah-rajah dan pelan-pelan berkaitan adalah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

23.4 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menyerahkan rajah tempat / tapak alat kelengkapan / komponen-komponen dan rajah / pelan-pelan pemasangan yang lebih terperinci untuk kelulusan Kerajaan sebelum memulakan sebarang kerja-kerja pemasangan.

## 24. MUTU HASIL KERJA

